

CASSIO

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT



Sirih junjung si bunga kertas,
Kembang mekar menawan jiwa,
COVID-19 bersama dibanteras,
Moga hidup sihat sejahtera.

Itik nila pulang ke reban,
Reban dibuat bersulamkan rotan,
SOP norma baharu jadi amalan,
Bersama mencegah musuh halimunan.

- Mohd Khairudin Zakariyah,
FSSSB

■ PERUTUSAN PENGERUSI AIDILADHA 1442H



Warga FGV sekalian,

Sekali lagi kita menyambut Hari Raya Aidiladha di dalam suasana COVID-19 yang masih menjadi ancaman kepada rakyat di seluruh negara.

Semakin ramai yang dijangkiti dan kemunculan varian-varian baharu menyebabkan kegusaran kepada kita semua terutamanya pasukan barisan hadapan yang bertungkus-lumus siang dan malam menyelamatkan pesakit.

Saban hari kita membaca keluh-kesah para doktor, jururawat dan petugas hospital yang semakin keletihan kerana peningkatan kes yang mendadak.

Seharusnya kita menghargai pengorbanan mereka dengan memainkan peranan kita untuk membantu negara memerangi wabak ini. Berdisiplinlah mengikuti SOP dan undang-undang yang

dibuat untuk melindungi kita semua.

Saya juga berharap agar semua petugas Kumpulan FGV telah pun mendapatkan atau mendaftar untuk suntikan vaksinasi. Ini merupakan ikhtiar kita untuk mendapatkan imuniti kelompok.

Marilah kita merenung sejenak sambutan Hari Raya Aidiladha yang menuntut kita menghayati maksud pengorbanan yang ikhlas.

Walaupun umat Islam tidak dapat menunaikan ibadah Haji seperti sebelum wabak ini terjadi, kita masih boleh memanjatkan doa Arafah pada hari ini, seperti sabda Rasulullah SAW, "Sebaik-baik doa adalah doa di hari Arafah." (Hadis riwayat Tarmizi).

Marilah kita memohon keampunan agar wabak ini segera berakhir dan semoga kita beroleh

kejayaan di dunia dan akhirat, insya-Allah.

Di dalam kesederhanaan, marilah kita menyambut hari yang penuh keberkatan ini dengan meningkatkan ibadat kita serta memaafkan di antara satu sama lain.

Kepada yang menunaikan ibadah korban, semoga ibadah korban dan amal kebajikan yang kita lakukan dengan ikhlas dan taqwa, terutamanya untuk membantu masyarakat kita yang berdepan situasi sukar, mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Aamiin ya rabbal 'alamin.
Terima kasih.

#kitajagakita
#lindungdirilindungsemua

Dato' Dzulkifli Abd Wahab
Pengerusi
FGV Holdings Berhad





RINGKASAN BERITA FGV



Empat Lembaga Pengarah Baharu FGV Dilantik

FGV mengalukan pelantikan empat Pengarah Eksekutif Bukan Bebas baharu FGV Holdings Berhad, seterusnya meningkatkan lagi jumlah pengarah daripada lima kepada sembilan ahli Lembaga Pengarah FGV. Empat ahli Lembaga Pengarah yang baharu dilantik ialah Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi, berkuatkuasa 30 Jun 2021, dan Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad, Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin dan Kasmuri Sukardi, berkuatkuasa 1 Julai 2021. Pelantikan-pelantikan baharu ini memiliki pelbagai latar belakang yang membawa bersama pelbagai kepakaran bagi membimbing FGV dalam meneruskan perjalanan transformasi serta penyampaian objektif strategiknya.

FGVIF Perintis Inovasi Penanaman Padi Wangi Tempatan

FGV Integrated Farming (FGVIF), menginovasi industri padi dan beras tempatan dengan pengenalan program Beras Wangi *Fortified Field™* (3FR) untuk penanaman padi wangi yang berkesan. Program 3FR merupakan sistem penanaman komprehensif yang mengintegrasikan pertanian padi menerusi aktiviti amalan pertanian pintar, mekanisasi, automasi dan penggunaan teknologi *Internet of Things (IoT)*. Inisiatif ini menggabungkan kepakaran FGV dalam penyelidikan, agronomi, nutrisi tanaman, teknologi dron dan pengawasan jarak jauh bagi meningkatkan hasil beras wangi. Sehingga kini, program 3FR FGV telah berjaya meningkatkan hasil beras wangi tempatan kepada tujuh tan metrik (MT) sehektar sekaligus menjadikan ia sistem tanaman pilihan para pesawah. Menerusi laporan yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Khazanah, purata hasil padi negara adalah sekitar empat MT sehektar, manakala jelapang hasil rendah menghasilkan bawah tiga MT sehektar.



FGV Prodata Percepat Kerja Pemasangan Infrastruktur Bagi Menyokong Projek Infrastruktur Permeteran Maju (AMI) TNB

FGV Prodata dilantik sebagai salah satu vendor bagi membekal dan memasang infrastruktur AMI Fasa Kedua bernilai RM6.5 juta. Di bawah fasa ini, kira-kira 1600 tapak dilengkapi dengan peralatan AMI merangkumi *gateway*, *extender bridge*, *nan collector* dan *repeater* bakal disiapkan oleh vendor yang terlibat di Kuala Lumpur dan beberapa kawasan di Selangor. Sehingga kini, FGV Prodata berjaya memasang peralatan berkenaan di lebih 166 tapak. FGV Prodata bertanggungjawab memasang infrastruktur tiang berukuran 15 hingga 30 meter bagi membolehkan capaian kepada frekuensi radio di setiap lokasi pencawang yang ditetapkan oleh TNB. Kerja-kerja pemasangan ini meliputi persiapan tapak, pembinaan tapak, pemasangan peralatan dan kabel di samping pengujian dan pengoperasian. Lanjutan kontrak TNB ini menandakan keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan dan keupayaan digital FGV dalam menguruskan projek berskala besar negara.

■ FGVPI dan FGVRI Rangkul Anugerah Emas Annual Quality Environment Challenge (AQEC) 2021



Tahniah kepada anak-anak syarikat FGV, FGV Palm Industries Sdn Bhd (FGVPI) dan FGV Rubber Industries Sdn Bhd (FGVRI) yang berjaya merangkul anugerah emas dalam *Annual Quality Environment Challenge* (AQEC) 2021! AQEC merupakan acara tahunan anjuran Malaysia Productivity Corporation (MPC).

Pencapaian ini jelas membuktikan pelaksanaan inisiatif QE/5S FGV yang

diterapkan ke dalam Konsep Model Perladangannya sangat bermanfaat seperti yang dicerminkan menerusi Kilang Sawit Maokil, FGVPi dan Kilang Getah Palong 8, FGVRi.

FGV juga merupakan satu-satunya syarikat perladangan di Malaysia yang mengambil bahagian dalam acara tahunan AQEC 2021. Syabas kepada semua!

Pautan video penyertaan Kilang Sawit Maokil -
<https://youtu.be/NuNrHkgYwU>

Pautan video penyertaan Kilang Getah Palong 8 -
<https://youtu.be/tYS2UndEvZg>

■ Projek Smart SBB FGV-MAFI di Seberang Perak



Timbalan Menteri I MAFI YB Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri II MAFI YB Datuk Che Abdullah Mat Nawi membuat tinjauan pelaksanaan tanaman padi menerusi kaedah Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di FELCRA Seberang Perak, Perak.

Seluas 140 hektar sawah padi di kawasan FELCRA Seberang Perak sedang diusahakan menerusi kaedah SMART SBB yang menjadi salah satu inisiatif MAFI bagi mempertingkatkan tahap sara diri beras negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) iaitu sebanyak 75 peratus.

Di kawasan FELCRA Seberang Perak ini, FGV Integrated Farming Holdings Bhd merupakan salah sebuah syarikat peneraju akan

memfokuskan kepada penanaman padi wangi MRQ76 keluaran pihak MARDI dengan kerjasama IADA Seberang Perak dan FELCRA Plantation Services Sdn Bhd yang memberikan pulangan tinggi iaitu sebanyak RM1,540 per tan metrik berbanding padi putih yang hanya RM1,200 per tan metrik.

Turut ditinjau, tapak projek rintis integrasi tanaman padi dan ternakan udang galah yang dilaksanakan oleh IADA Seberang Perak dengan kerjasama syarikat Thirty Three Management Sdn Bhd untuk meningkatkan pendapatan pesawah.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Datuk Badrul Hisham Mohd dan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Encik Azman Mahmood.

■ Lebih 200 Petugas MSM Terima Vaksin Melalui PIKAS

Seramai lebih 200 petugas MSM melibatkan tenaga kerja rantaian bekalan di Gudang Sungai Buloh serta ibu pejabat korporat di Kuala Lumpur telah menerima dos vaksinasi pada 27 Julai bertempat di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa (MITEC) melalui Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).

"Pengagihan vaksin yang dipercepatkan oleh pihak kerajaan di bawah Pelan Pemulihan Negara turut dijangka akan menjana semula sektor sosio-ekonomi ke arah pemulihan. Selain itu, pihak majikan juga kini boleh mendapatkan temujanji vaksinasi untuk para pekerja melalui pelbagai program seperti PIKAS dan juga Program Vaksin Selangor (Selvax).

Secara signifikan, sebagai majikan yang bertanggungjawab, kita memainkan peranan yang penting dalam membantu kerajaan untuk

mempromosikan serta menggalakkan vaksinasi di samping memastikan perniagaan dan operasi terus berjalan dengan mematuhi SOP yang telah digariskan oleh pihak berkuasa," jelas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad.

MSM sangat komited dalam memastikan semua petugas termasuk kontraktor menerima vaksin sepenuhnya, sejajar dengan saranan pihak kerajaan untuk mempertingkatkan kadar imunisasi ke arah mencapai imuniti kelompok dalam menangani penularan wabak COVID-19.

Pada masa yang sama, MSM juga akan terus memperkasakan lagi usaha bagi mendapatkan temujanji vaksinasi bagi para petugas di kilang-kilang yang terletak di Prai, Pulau Pinang dan Tanjung Langsat, Johor melibatkan hampir 800 orang petugas.



■ MSM Prai & MSM Johor Hulur Bantuan Kepada Enam PPV



Sebanyak enam buah pusat pemberian vaksin (PPV) telah menerima bantuan daripada Kumpulan MSM melalui anak-anak syarikatnya iaitu MSM Prai dan MSM Johor.

Program bantuan yang diadakan bermula 12 Julai hingga 29 Julai melibatkan sumbangan kepada lebih 800 orang sukarelawan dan petugas barisan hadapan di PPV tersebut.

Sumbangan telah diberikan dalam bentuk pek makanan, air mineral, makanan dan minuman ringan seperti biskut dan minuman pra-campur segera serta cecair pensanitasi tangan.

Antara PPV yang terlibat adalah termasuk Dewan Raya Bandar Seri Alam, Masai, Dewan Muafakat

Johor, Taman Adda, Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor di negeri Johor serta Dewan Seberang Perai Arena, Dewan Millenium Kepala Batas dan Tapak Ekspo Seberang Jaya di negeri Pulau Pinang.

Program tanggungjawab sosial korporat seperti ini adalah merupakan salah satu usaha syarikat dalam memberikan sokongan kepada perkhidmatan dan pengorbanan yang diberikan oleh para sukarelawan dan petugas barisan hadapan yang telah berhemus-pulus dalam menguruskan serta memastikan sistem kesihatan negara berada dalam keadaan yang terbaik khususnya dalam pemberian vaksin kepada masyarakat bagi membendung penularan wabak COVID-19.



Hampir 100 Peratus Petugas FGVPM Sampadi Terima Vaksin

FGVPM Sampadi, Sarawak memanfaatkan Program Pemberian Vaksin (Industri) Wilayah Sampadi anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia, Lundu dengan penyertaan secara berperingkat hampir 100 peratus kakitangannya termasuk pekerja ladang.

Pada 16 julai, seramai 197 orang tenaga kerja asing Indonesia telah divaksin di pusat pemberian vaksin (PPV) Dewan Suarah Lundu. Terdahulu, 166 pekerja tempatan bergaji hari dan 72 petugas juga telah mendapatkan suntikan vaksin jenis Sinovac di PPV tersebut.

Dijangkakan dos kedua akan diberikan pada 6 Ogos 2021. Untuk rekod, Wilayah Sampadi mencatatkan peratusan suntikan vaksin seperti berikut; petugas - 97%, pekerja tempatan bergaji hari - 98% dan tenaga kerja asing - 100%.

FGVPrihatin
#LindungDiriLindungSemua



NeMSO

Program Keselamatan: Kemalangan Nyaris & Pelaporan

LAPORKAN kemalangan nyaris hari ini HINDARI kemalangan hari esok

- **Lapor SEGERA**
- **Elak KEMALANGAN**
- **Selamatkan NYAWA & HARTA BENDA**



Kemalangan nyaris yang sering berlaku di tempat kerja kadangkala tidak dilaporkan sedangkan ada di antara kejadian yang berkebarangkalian akan mengakibatkan kecederaan serius, kemusnahan harta benda atau kematian. Justeru, Bahagian Kesihatan, Keselamatan & Persekitaran Kumpulan (HSE) telah menganjurkan program

dalam talian pada 26, 27 & 28 Julai untuk ahli-ahli ERT bagi meningkatkan kesedaran akan kepentingan melaporkan kemalangan nyaris di samping pengenalan aplikasi pelaporan Powersafe. Aplikasi ini akan diperkenalkan secara berperingkat untuk pelaporan dan pemantauan pengurusan keselamatan dan kesihatan. Dalam program

tersebut, peserta diberi pendedahan mengenai cara menggunakan aplikasi yang boleh diakses melalui telefon bimbit atau komputer. Diharapkan melalui program tersebut, pelbagai pihak terutama petugas dapat bersama-sama membantu syarikat mencapai kecederaan sifar di tempat kerja.

WIRA FGV

'Cuba sehabis baik' dan 'tidak berputus asa' adalah prinsip kerjaya saya – Latifah Lokman



'Cuba sehabis baik' dan 'tidak berputus asa' sentiasa menjadi pedoman buat wirawati pilihan kali ini, Latifah Lokman, yang kini bertugas sebagai Ketua Unit Operasi Kurier FGV di FGV Transport Services Sdn Bhd, Serting, Negeri Sembilan.

Beliau mengakui bukan mudah untuk menggalas tanggungjawab di dalam kerjaya yang didominasi oleh lelaki, namun berbekalkan keyakinan dan motto 'cuba sehabis baik', beliau menjalankan tugas dengan cekap, cepat dan tepat bagi mengekalkan keyakinan dan kepercayaan para pelanggan.

Mula bertugas sebagai jurutaip bergaji hari di Perbadanan Angkut Felda (kini FGV Transport) Depot Pasir Besar, Gemas, Negeri Sembilan pada 1983, beliau menimba pelbagai pengalaman berharga sebelum menjawat jawatan terkini selaku Ketua Unit Operasi Kurier FGV di Serting.

"Sebelum bertugas sebagai Ketua Unit Kurier FGV, saya pernah diberi kepercayaan oleh pihak syarikat berkhidmat di bahagian

sumber manusia, kewangan dan juga operasi. Namun, pengalaman bekerja di bahagian operasi sawit dan kargo ketika di FGV Transport Depot Lahad Datu dan Sahabat di Sabah benar-benar membuka mata saya terhadap cabaran sebenar petugas operasi," kata ibu kepada empat cahaya mata ini.

"Saya berpindah ke Depot Sahabat pada bulan Jun 2006 atas pilihan sendiri setelah operasi FGV Transport Serting ditutup pada tahun tersebut. Ketika itu, saya benar-benar ingin mencari pengalaman baharu dan mahu mencabar keupayaan diri sendiri dengan tugas baharu. Alhamdulillah, saya berpeluang menimba banyak pengalaman berharga di sana terutamanya selok-belok pengurusan operasi depot selain berkesempatan mengenali budaya masyarakat setempat yang pelbagai suku kaum."

Sebagai petugas yang telah berkhidmat selama 38 tahun, beliau juga sentiasa mengingatkan petugas di bawah kendalian beliau untuk sentiasa bekerjasama

di antara satu sama lain, hormat-menghormati dan paling penting adalah kesabaran diri. Ini kerana kerjaya di bidang penghantaran barang ini adakalanya menguji kesabaran termasuklah berhadapan dengan pelbagai karenah dan ragam pelanggan setiap hari.

Meskipun bergelumang dengan kerjaya yang memerlukan, namun beliau tetap bersyukur kerana sentiasa mendapat sokongan dan dorongan daripada keluarga tercinta.

"Sebagai petugas lama, saya sentiasa menasihati petugas dan juga pelapis baharu untuk bekerja dengan penuh amanah. Jika kita amanah pada tugas kita, keberkatan akan datang dengan sendirinya. Kita juga perlu ada sikap 'sayangkan syarikat' seperti kita sayangkan keluarga kita sendiri. Barulah keseronokan bekerja itu akan datang dan tanpa dipaksa kita akan buat sehabis baik," kata beliau yang mahu menjadikan kerjaya ini sebagai salah satu sumbangan berharga beliau buat syarikat sebelum bersara wajib nanti.

Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP)

Apa itu GSP?

GSP adalah dasar utama yang menggariskan komitmen kelestarian FGV. Terdapat tiga teras utama GSP:



Mempunyai
Pertumbuhan
Ekonomi



Menghormati
Hak Asasi Manusia



Melindungi
Alam Sekitar

Mengapa GSP penting?

GSP menetapkan kerangka untuk agenda kelestarian FGV. GSP juga merupakan panduan bagi FGV untuk menjadi sebuah perniagaan yang lestari dan bertanggungjawab untuk masa depan yang lebih baik bagi semua.



Siapa yang harus mematuhi GSP?

Kumpulan FGV, anak syarikat serta kontraktor, perunding, pembekal dan vendor FGV harus mematuhi GSP. Sebagai pekerja FGV, ANDA juga mempunyai peranan untuk membantu FGV memenuhi komitmen di bawah GSP.

Info lebih lanjut:

https://drive.google.com/file/d/1AMNcMZ8w4_H0aTrJlgzJ7MHaHxbxvHM/view



Hak Asasi Manusia = Hak Anda



Anda mungkin pernah dengar istilah '**hak asasi manusia**'. Tapi apa sebenarnya maksud hak asasi manusia?

Secara umumnya, hak asasi manusia adalah **hak dan kebebasan yang patut dinikmati oleh semua orang, termasuk anda**.


Hak asasi manusia berkait rapat dengan pelbagai aspek kehidupan termasuk pendidikan, kesihatan, kebudayaan dan pekerjaan.



Jom tonton video ini untuk ketahui lebih lanjut tentang hak anda.

<https://youtu.be/PbibLLhcCb8>

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) Diperluaskan Ke Peringkat Perniagaan Antarabangsa



Sesi taklimat latihan kesedaran telah diberikan oleh Dr. Mark Lovett, Trident Integrity Solution.

Pelaksanaan Pelan Anti-Rasuah FGV telah diperluaskan ke atas perniagaan antarabangsa pada tahun 2021. Pada 12 Julai 2021, Kumpulan Takbir Urus & Pengurusan Risiko dengan kerjasama pakar dari Trident Integrity Solution (Dr. Mark Lovett) telah berjaya melaksanakan

program latihan kesedaran berkenaan Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (MACC) Seksyen 17A. Program latihan kesedaran ini telah melibatkan tujuh buah syarikat milik kumpulan FGV yang beroperasi di luar negara iaitu PT

Citra Niaga Perkasa, PT Temila Agro Abadi, PT Patisindo Sawit, TRT Holding Inc, FWQ Enterprise Pvt Ltd, FGV-PU India Pte Ltd dan PT Felda Indo Rubber.

Seramai 32 orang yang terdiri daripada pengurusan kanan setiap syarikat telah menghadiri latihan kesedaran ini.

Kumpulan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko juga akan memperluaskan latihan kesedaran tersebut kepada semua petugas ke semua syarikat yang terlibat. Usaha ini menunjukkan bahawa FGV komited dan berlitzam tinggi di dalam memerangi amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan ke seluruh kumpulan FGV yang berada di dalam dan luar negara.

Untuk sebarang pencerahan lanjut, sila hubungi Jabatan Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Kumpulan atau rujuk kepada polisi yang terdapat di FGV Hub.

**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**

VARIAN DELTA

SIMPTOM BAHARU YANG PERLU DIBERI PERHATIAN



SAKIT KEPALA
BERPANJANGAN



HIDUNG BERAIR /
TERSUMBAT



SAKIT TEKAK



CIRIT-BIRIT



MUNTAH



SAKIT OTOT



KELETIHAN DAN
KELESUAN

TANYA DOKTOR POKOK



S: Buah nangka saya rosak sebelum ranum. Apakah petua untuk elakkan kerosakan semasa buah nangka sedang membesar?

- Ahmad Izwan Osman, MSM (M) Holdings

J: Buah nangka rosak sebelum matang biasanya disebabkan oleh jangkitan penyakit bakteria atau kulat terutamanya dalam musim hujan dengan keadaan yang lembap. Cantaskan dahan di tengah kanopi pokok kira-kira 30% dan buangkan dahan serta ranting yang rendah dan melambai ke bawah

untuk menggalakkan penembusan cahaya matahari dan pengudaraan pada pokok serta buah demi mengurangkan kelembapan yang merupakan faktor utama pembiakan dan jangkitan penyakit. Jalankan semburan racun kulat pada kadar 1-2 kali sebulan jika keadaan masalah buah rosak masih berlaku.

S: Bolehkah campur tanaman dalam satu bekas?

- Nur Afida Abd Rahim, FGV Refineries

J: Tanaman campuran dalam bekas yang sama boleh dilakukan untuk sayuran yang mempunyai kadar pertumbuhan yang agak sama supaya tidak berlaku persaingan ruang dan cahaya matahari daripada jenis sayur yang cepat bertumbuh sehingga menyebabkan sayuran lain yang lambat tumbuh menjadi terbantut atau kurus. Pastikan jarak tanaman di antara sayuran tersebut tidak terlalu rapat.

halus sebagai media penanaman lumut. Pindahkan lumut ke atas medium fiber tersebut dalam balang kaca. Gunakan penyembur tangan untuk melembapkan lumut dan medium penanaman tersebut sebanyak dua hingga tiga kali sehari untuk mengekalkan kelembapan. Letak balang kaca lumut tersebut di bawah tempat yang redup dan sejuk.




Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.

S: Cara tanaman lumut dalam balang kaca?

- Ain Sakinah Zulkifli, FGVH

J: Gunakan medium fiber seperti peatmoss



■ APA KATA MEREKA?

Apakah aktiviti kesukaan yang tidak lagi anda boleh lakukan?



Aktiviti yang paling saya rindui sudah tentulah balik ke kampung untuk menjenguk ibu bapa di sempadan Pahang dan Johor oleh kerana tidak dapat merentas negeri. Walaupun selalu berhubung melalui telefon, tentulah tidak sama dengan bertemu secara fizikal. Saya juga tidak dapat melakukan aktiviti bermain bola iaitu sukan yang paling saya gemari bersama-sama rakan-rakan yang lain. Oleh itu kita perlu sentiasa bersyukur kerana amat mudah untuk nikmat yang kita ada ditarik balik.

- Mohd Fadzly Zulkifli
HRBP, FGV R&D



Kenangan bersama kawan-kawan di Vietnam menjadi antara memori indah sebelum pandemik ini terjadi. Melancong merupakan aktiviti yang paling saya gemari tetapi kini tidak dapat lagi dilakukan. Saya berdoa semoga COVID-19 cepat berakhir agar saya juga dapat bertemu ibu bapa di kampung. Saya berharap agar dapat merentas negeri dahulu untuk pulang ke Pahang sebelum merancang ke tempat-tempat lain, insyaAllah. Saya juga agak kecewa kerana tidak dapat memakai jubah graduasi setelah selesai pengajian kerana majlis graduasi tidak dapat diadakan.

- Nora Abd Rahim
MSM (M) Holdings



COVID-19 telah merubah kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Sedar tak sedar, sudah hampir dua tahun kita dibiasakan dengan gaya hidup dan norma baharu. Sekatan pergerakan yang dilakukan Kerajaan untuk membendung penularan wabak ini telah menghalang aktiviti melancong bersama kawan-kawan dan ahli keluarga. Saya berharap kita dapat mencapai imuniti berkelompok dengan cepat sekaligus membawa sinar untuk kita mengawal penularan COVID-19 dan membolehkan banyak sektor ekonomi boleh dibuka terutamanya pelancongan.

- Mohd Fekhri Mohd Bakri
Group Governance & Risk Management, FGVH



Sejak wabak COVID-19 ini berlaku, saya merasakan kekosongan dari segi interaksi bersama rakan-rakan sepejabat, keluarga dan sahabat-sahabat karib. Aktiviti yang biasanya kami lakukan bersama-sama seperti keluar makan di restoran, melepak, menonton wayang, menyambut hari lahir dan ulangtahun, membela-bela dan beriadah di taman tidak dapat dilakukan. Saya turut merasakan kehilangan kebebasan untuk bergerak ke mana-mana dalam waktu PKP ini. Walaupun ada juga kelonggaran tetapi risiko berada di luar turut membimbangkan.

- Syarifah Nur Afni Syed Abdullah
Jabatan Sustainability Teknikal, Group Sustainability Division, FGVH



Aktiviti membawa anak-anak saya berjalan-jalan di shopping mall, selain daripada membawa anak-anak beriadah di taman, aktiviti ini juga antara yang selalu kami sekeluarga lakukan. Ekoran daripada wabak COVID-19 ini, ia membuatkan anak-anak saya menjadi tertekan dan selalu tantrum kerana menghabiskan masa sepenuhnya di dalam rumah tanpa melihat dunia luar. Saya berharap wabak ini akan berlalu pergi dan saya dapat membawa anak-anak menjalani kehidupan seperti biasa.

- Nurain Md Gaus
Group Strategy Division,
FGVH

■ RESIPI PILIHAN

Ayam Lolipop bersama Sos Mayo Pedas

Apa lagi jenis hidangan yang menarik dengan menggunakan Sos Mayo SAJI? Apa kata anda cuba resipi Ayam Lolipop bersama Sos Mayo Pedas daripada peserta Peraduan Memasak Duta FGV ini.



BAHAN-BAHAN

Kepak ayam
Garam Gunung SAJI *
Tepung rangup serbaguna
2 biji telur
Serbuk roti
Minyak Masak SAJI
1 sudu kecil Minyak Masak Adela *
1 sudu kecil *chilli flakes**
1 sudu Sos Cili SAJI *
2 sudu Mayo SAJI *

CARA-CARA

- Potong kepak ayam dan tolak isi ayam ke hujung tulang sehingga membentuk seperti lolipop.
- Perapkan ayam dengan sedikit garam.
- Celupkan ayam yang telah dibentukkan ke dalam tepung rangup serbaguna.
- Pecahkan telur dan kacau rata.
- Celupkan ayam yang telah bersalut tepung ke dalam telur.
- Salutkan ayam dengan serbuk roti.
- Panaskan minyak, goreng ayam sehingga warna keemasan/masak.
- Untuk penyediaan sos, campurkan semua bahan bertanda * dan kacau rata.

Siap untuk dihidangkan!

Resipi oleh:

Suhaili Noradila Jumat
FGVH

Saji

Garam Gunung Himalaya

Dari Sumber Gunung Himalaya
Kaya Dengan Mineral Semula Jadi

*mudah larut
lebih halus*

BAHARU

Tahniah Pemenang Peraduan Pantun & Menang

Makan ulam pucuk pegaga,
Ulam dicambah sambal berlada,
Jaga diri jaga keluarga,
Wabak COVID-19 kian melanda.

Pucuk kadut buah kenanga,
Dayung perahu tuju haluan,
Duduk rumah tak usah ke mana,
Elak keluar tanpa tujuan.
- Sharul Nizam Mohd Azale
FGV Refineries, Kuantan

Ikan haruan ikan paya,
Digoreng bersama ikan pari,
COVID-19 sungguh bahaya,
Mari bersama menjaga diri.

Ikan sepat atas pelantar,
Untuk dibuat ikan masin,
Rakyat Malaysia perlu mendaftar,
Betapa pentingnya mengambil vaksin.
- Azrena Samsudin
FGVPM

Pergi ke sungai memancing udang,
Udang dimasak di tengah hari,
Ia datang tanpa diundang,
Virus COVID-19 nama diberi.

Sawah padi di tepi rumah,
Padi dimakan oleh pegar,
Sudah jemu duduk di rumah,
Kerana COVID-19 sedang berlegar.
- Nor Yalizawati Ya'acob
FGVRD

Tandan dituai culasnya tiada,
Demi Syarikat FGV yang dicintai,
COVID-19 masih merata-rata,
Menunggu kita yang suka mengingkari.

Berpagi-pagi menghadiri kerja,
Keringat darinya tidaklah berkira,
Kepada anda di luar sana,
Lindungi diri, lindungi keluarga.
- Hairudin Mohamad @ Ma'mor
FGVPM

Pagi-pagi pergi kenduri,
Pergi kenduri memakai celana,
Frontliner bersedia korbankan diri,
Berbakti menjaga pesakit Corona.

Sana sini berantakan,
Bincang bersama untuk selesaikan,
Patuh SOP yang diberikan,
COVID-19 dapat dikalahkan.
- Tini Kusnida Abd.Kadir
FPSSB

Bayu menderu terpalit panas,
Hatta menyelinap di hening subuh,
Wabak seantero semakin mengganas,
Semoga dituruni hujan penyembuh.

Pucuk bunga di hujung dahan,
Ditenggek pula punai yang kurus,
Vaksinasi penawar ribuan harapan,
Semoga COVID-19 hilang terhapus.
- Muhamad Fouad Bin Abdul Razak
FJB

- Buah duku buah durian,
- Buah binjai buah nona,
- Ikut SOP arahan kerajaan,
- Duduk rumah jangan ke mana-mana,
- Pucuk puntat alur damai,
- Buah salak buah semesta,
- Elak pergi ke tempat orang ramai,
- Pakai mask dan jaga penjarakan semeter.
- Nik Zahari Mohd Zin
FGVT

Terbang melayang si burung tempua,
Singkah sebentar di pokon berangan,
Ke Hulu ke hilir ke mana juar,
Penjarakan sosial dilupa jangan.

Telaga Tujuh sedingin salju,
Tempat bersiram puteri kayangan,
Sifar COVID-19 itulah yang dituju,
Bersama kita lamar kemenangan.
- Nor Azuan Bin. Mohamed Rapis
FGVH

Pergi kedai membeli bunga,
Bunga ditanam di laman kereta,
Lindung diri lindung semua,
Imuniti kelompok sasaran kita.

Memancing Ikan di Sungai Muar,
Tertangkap pula ikan tenggiri,
SOP wajib diikuti semua,
Dengan amalan penjarakan diri.
- Tajul Azwa Haris
FGVT

Para pemenang akan dihubungi oleh
Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan

Pertandingan Rumah Ceria **MERDEKA**



Semarakkan semangat sayang dan cintakan negara sempena bulan kemerdekaan ini dengan menghias rumah anda dengan tema Hari Kebangsaan. Kongsi foto ceria anda bersama hiasan tersebut untuk peluang memenangi hadiah-hadiah menarik!

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN:

1. Terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV.
2. Saiz foto tidak lebih dari 2MB.
3. Foto penyertaan mestilah hasil karya asli dan tidak mengambil hak cipta orang lain.

Hantarkan penyertaan anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke +60 19-200 4600

Tarikh tutup: 31 Ogos 2021

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

